# Jakmas Kolej Excellent UMS anjur Bengkel Penulisan Berita

UB 20.12.2017 B5

JAWATANKUASA Kebajikan Mahasiswa (Jakmas) Kolej Kediaman Excellent (E) Universiti Malaysia Sabah (UMS) melalui Exco Media dan Publisiti mengadakan Bengkel Penulisan Berita Akhbar di Bilik Taklimat dan Tayangan Pusat Pengurusan Strategik dan Komunikasi Korporat, Kota Kinabalu.

Pengarah bengkel Nur Huda Izzati Izal berkata, penganjurannya antara lain bertujuan memberi pendedahan berkaitan etika kewartawanan dan teknik penulisan akhbar dalam kalangan pemimpin pelajar khususnya pelajar Kolej Kediaman E.

"Selain itu, bengkel ini sekali gus bagi mengeratkan hubungan silaturahim dalam kalangan pemimpin pelajar khususnya pelajar Kolej Kediaman E," katanya.



**HILMEY** (kanan) menyampaikan cenderahati kepada Salbinous.



**HILMEY** (duduk, tiga dari kiri) bergambar bersama peserta bengkel.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada bengkel berkenaan.

Menurut Nur Huda, bengkel itu menyaksikan penyertaan seramai 20 pelajar yang terdiri daripada barisan wakil Pemimpin Kolej Kediaman E, Majlis Ketua-ketua Sekretariat, Majlis Ketua-ketua Blok, dan Majlis Ketua-ketua Kelab.

"Bengkel sehari itu disampaikan Penolong Pegawai Penerangan Pusat Pengurusan Strategik dan Komunikasi Korporat UMS, Salbinous Saribun," tambahnya.

Hadir sama ialah Timbalan Pengetua Kolej Kediaman E, Mohd Hilmey Saili.